



DR Wan Azhar Wan Yusoff (tengah) bersama warga UMP pada Majlis Sambutan Aidilfitri Peringkat UMP dan Jasamu Dikenang di Dataran Canseleri Tun Abdul Razak. - Foto Shahrinnahar Latib

Graduan UMP berada di tahap kebolehpasaran tinggi

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

PEKAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada di landasan yang tepat bagi melahirkan graduan berkemahiran tinggi apabila 96 peratus graduannya mencapai tahap kebolehpasaran.

Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata peratusan itu adalah pencapaian tertinggi UMP, berbanding universiti lain di negara ini.

“Kerjasama erat antara UMP dan industri menjadi faktor penting dalam menyumbang kepada peningkatan peratusan ini, sekali gus memastikan setiap graduan berada pada tahap kebolehpasaran yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Aidilfitri Peringkat UMP dan Jasamu Dikenang di Dataran Canseleri Tun Abdul Razak di sini, hari ini.

Katanya, inisiatif yang dilaksanakan sebelum ini bagi mencapai sasaran kebolehpasaran akan dipergiatkan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak industri dari segi penawaran kerja, selain penganjuran karnival kerjaya.

“Program seperti ini akan menjadi pentas terbaik untuk pelajar menilai dan merebut peluang kerjaya yang disediakan selepas bergelar graduan kelak,” katanya.

Majlis yang dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad itu turut meraikan bekas Naib Canselor UMP, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim, yang menamatkan kerjaya cemerlang selepas 11 tahun berkhidmat.

Kira-kira 2,000 tetamu termasuk warga UMP hadir pada majlis yang diadakan dalam suasana ukhwah, membuktikan komitmen mereka bagi meneruskan agenda kegemilangan universiti pada masa akan datang.